



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Pejabat Daerah Port Dickson tidak akan dipertimbangkan.
2. Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa sijil asal serta salinan sijil
 - a) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan**
 - b) **Sijil SSM**
 - c) **Surat Pengiktirafan Bumiputera dengan PKK**
 - d) **Sijil Pendaftaran MPPD**
 - e) **Perakuan Pendaftaran dengan CIDB**

Bagi permohonan kerja elektrik perlu menyertakan tambahan :

- f) **Sijil Suruhanjaya Tenaga (ST)**

yang masih sah/belum tamat tempoh layak menghadiri taklimat dan lawatan ke tapak kerja(**wakil tidak dibenarkan**)

3. **Kesemua Sijil di atas perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh lawatan tapak.**
4. **Borang Sebut harga hendaklah diisi menggunakan pen dakwat cair hitam.**
5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Jabatan Kejuruteraan, MPPD. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
6. Setiap kesilapan pada borang hendaklah ditandatangani ringkas. **Tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (liquid paper).**
7. Kontraktor hendaklah memberi bukti keupayaan dalam bentuk tunai atau kemudahan kredit yang disahkan oleh pihak bank dan disertakan bersama borang sebut harga.
8. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
9. Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan PKK dibawah kepala dan sub-kepala berikut dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja sebut harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti lampiran

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Kelas/ Gred Kontraktor	Kelas Kepala & Sub/Kepala	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
MPPD SH 39 / 2019 RM50.00	Kerja Kerja Penyelenggaraan Mekanikal Dan Elektrikal, Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan, Di Semua Kolam Air Pancut Dan Rumah Pam Milik MPPD	G1 atau G2	Kategori ME dan CE Pengkhususan E04, M15 dan CE21	Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Port Dickson Tarikh: 25.02.2019 Hingga 04.03.2019	Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Port Dickson Tarikh : 04.03.2019 *Jam 12.00 t/hari
MPPD SH 26 / 2019 RM50.00	Cadangan Pemasangan Lampu Limpah Serta Kerja- kerja Berkaitan Di Pantai Bagan Pinang Dan Di Kolam Takungan Taman Intan Perdana, Port Dickson	G1 Dan G1 Atau G2	Kategori ME Pengkhususan E11 Pengkhususan E04		
MPPD SH 25 / 2019 RM150.00	Pemasangan Lampu Jalan Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Laluan Straits View Villas, Port Dickson	G2 atau G3	Kategori ME Pengkhususan E04 dan E11		

Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 25 Februari 2019 (Isnin) jam 9.00 pagi.

Menghadiri taklimat adalah diwajibkan untuk semua Sebutharga & lawatan tapak adalah digalakkan.